

Surat Kami : **KJT/PEKELILING/Jld.4/07/24/(64)**
Tarikh : **02 Julai 2024**

Kepada;
ANGGOTA LEMBAGA
JAWATANKUASA JURUAUDIT DALAMAN dan ANGGOTA,
Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA)

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

NOTIS PEMBERITAHUAN :
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI YANG KE 23
KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN BERHAD (KOJUTA)

Adalah saya dengan ini memaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke 23 Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) akan diadakan pada tarikh, masa, tempat dan agenda sepertimana berikut:-

TARIKH : 24 JULAI 2024 (RABU)
MASA : 09.00 PAGI
TEMPAT : BALLROOM PRIMA,
ARAS 6, WISMA LJT,
LORONG PERAK, PUSAT BANDAR MELAWATI,
53100 KUALA LUMPUR.

AGENDA :

1. Memilih Pengerusi Bagi Mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke 23 Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA);
2. Melantik Suatu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam (6) Orang Anggota Dan Empat (4) Orang Anggota Lembaga Untuk Menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke 23;
3. Membentang Dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke 22 Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) Yang Diadakan Pada 24 Ogos 2023;

4. Membentang, Menimbang Dan Meluluskan Laporan Lembaga 2023, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Mengenai Akaun-Akaun Teraudit Bagi Tahun 2023 Dan Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun Dan Kunci Kira-Kira Berakhir Pada 31 Disember 2022;
5. Membentang, Menimbang Dan Meluluskan Laporan Juruaudit Luar 2023, Laporan Berkanun Anggota Lembaga 2023, Penyata Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 Dan Subsidiari Atau Subsidiari-Subsidiarinya Jika Ada Dan Cadangan Pembahagian Keuntungan;
6. Membentang, Menimbang Dan Meluluskan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tempoh 2024 Dan Anggaran Penerimaan Dan Pembayaran Tunai Dari 01/01/2024 Hingga 31/12/2024;
7. Mengisytiharkan Atau Menerbitkan Syer-Syer Bonus;
8. Membincangkan Dan Meluluskan Honorarium Kepada Anggota Lembaga Dicapadangkan, Elaun-Elaun Kepada Anggota-Anggota Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalaman Dan Saraan Kepada Anggota-Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Atau Subsidiari-Subsidiari Koperasi Ini, Jika Ada;
9. Membentang Laporan Berkenaan Penerimaan Deposit Dan Pinjaman Daripada Anggota Dan Bukan Anggota;
10. Membincang, Menimbang Dan Meluluskan Surat Cara Deposit Atau Pinjaman;
11. Membincang, Menimbang Dan Meluluskan Ruang Lingkup Dan Had Pelaburan Daripada Wang Berlebihan Koperasi Ini Tidak Melebihi 30% Daripada Nilai Aset Semasa Bagi Tahun Kewangan 2024;
12. Memberikuasa Kepada Lembaga Koperasi Untuk Membuat Pinjaman Luar Tidak Melebihi 30% Daripada Nilai Aset Semasa (Had Maksimum Keterhutangan Koperasi) Bagi Tahun Kewangan 2024;
13. Meluluskan Pelantikan Satu (1) Panel Audit Yang Terdiri Tidak Kurang Daripada Tiga (3) Firma Audit Yang Diluluskan Oleh Suruhanjaya Untuk Dipilih Salah Satu Daripadanya Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi;
14. Mendengar, Membentang, Menimbang Dan Memutuskan Apa-Apa Cadangan / Usul Atau Urusan Perniagaan Lain Koperasi Yang Baginya Suatu Yang Tidak Kurang Daripada Tujuh (7) Hari Sebelum Mesyuarat Agung Kali Yang Ke 23 Diadakan;
15. Membentang, Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil;

16. Membentang, Menimbang Dan Memutuskan Apa-Apa Aduan Daripada Mana-Mana Anggota Yang Terkilan Dengan Sesuatu Keputusan Lembaga, Dengan Syarat Suatu Notis Yang Tidak Kurang Daripada Tujuh (7) Hari Telah Diberikan Kepada Koperasi Mengenainya;
17. Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Laporan Yang Hendak Dikemukakan Menurut Kehendak Akta Dan Peraturan;
18. Memilih Anggota-Anggota Lembaga Sesi 2024/2025.


2. Oleh yang demikian, semua **ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN** dan **ANGGOTA** Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) adalah **DIJEMPUT** hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) Kali Yang Ke 23 ini.

Sekian , terima kasih.

‘MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT’

Dengan hormatnya,

KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN BERHAD



(Sr HAJI KHAIRUL SALEH BIN JAMALUDIN)

Setiausaha

PERINGATAN :

***Sila pastikan Buku Laporan Tahunan 2023 dibawa bersama ke Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke 23 diadakan.**